

Arah kiblat lebih tepat pada 27 Mei

ALOR STAR, Isnin – Umat Islam di negara ini dapat menentukan arah kiblat lebih tepat apabila matahari berada tegak di atas Kaabah pada jam 5.17 petang waktu Malaysia, pada 27 Mei ini.

Kedudukan matahari tegak di atas Kaabah, juga akan berlaku pada 15 Julai, jam 5.26 petang.

Pensyarah Ilmu Falak Syarie Institut Pengajian Islam Kedah (Insaniah), Abdul Ghani Salleh, berkata kedudukan matahari tepat di atas Baitullah hanya berlaku dua kali setahun.

Katanya, penduduk di negara lain seperti Singapura, Brunei, sebahagian Indonesia Tengah, Australia Barat, Taiwan dan Filipina juga dapat menetapkan kedudukan kiblat pada hari berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, umat Islam wajar memberi perhatian mengenai pergerakan matahari itu dari semasa ke semasa bagi mengejalkan mereka daripada tersalah arah kiblat.

“Menentukan arah kiblat yang tepat menjadi tanggungjawab umat Islam, terutama ketika hendak menunaikan ibadat sembahyang.

“Pembinaan masjid baru juga memerlukan penelitian rapi bagi menentukan kedudukan pembinaan mengikut arah kiblat,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, Abdul Ghani menggesa masyarakat Islam mempelajari ilmu falak untuk memudahkan mereka menentukan waktu tepat untuk menunaikan ibadat seperti berpuasa dan menentukan tarikh hari raya.